

EDISI KHAS

Penghormatan kepada Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia mulai tahun 1994 - 2008



KRIKET MELAYU
MALAYSIA

Tuanku Ja'afar
Tuanku Abdul Rahman
(1922 - 2008)



Pengorbanan hingga ke akhir hayat

Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman mangkat pada 27 Disember 2008 dan merupakan Yang Dipertua (Presiden) Persatuan Kriket Melayu Malaysia mulai 20 Mac 1994

Oleh **ROSMANIZAM ABDULLAH**

Setiausaha Agung

Persatuan Kriket Melayu Malaysia

DALAM mengharungi kehidupan, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman sememangnya seorang ahli sukan yang aktif. Sewaktu berada di Kolej Melayu Kuala Kangsar sehingga tahun 1940, baginda berkecimpung dalam tenis, kriket, hoki dan skuasy.

Ketika menjadi pegawai tadbir di Perak, sebagai ketua pasukan, baginda memastikan Perak menjuarai saingan kriket Perisai Raja-Raja pada tahun 1953 dan 1954.

Tuanku Ja'afar kemudian menjadi diplomat di serata dunia sehinggalah pada 8 April 1968, baginda ditabalkan selaku Yang Dipertua Negeri Sembilan X menggantikan kekanda baginda, Tuanku Munawir yang mangkat pada 18 April 1967.

Berpandukan latar belakang berkenaan, saya terdorong untuk menulis surat sekali gus mempelawa baginda memegang jawatan Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia; sebuah persatuan yang baru diwujudkan semula setelah pertubuhan terdahulu bubar pada 1978.





AHLI Majlis Kriket Melayu selepas Mesyuarat Agung Tahun 1994 di Istana Hinggap Seremban. Dari kiri, Sailan Kasri, Haris A. Baker, Mohammad Noor Ishak, Sham Jalil, Che Yazid Che Seman, Tuanku Ja'afar, Zahani Ahmad, Rosmanizam Abdullah, Zahari Suradi, Hasan Abdullah, Kazaruddin Kamarudin dan Jaafar Abdullah.

Dalam surat bertarikh 26 Ogos 1993, saya mula menceritakan pembabitan raja-raja Melayu sebagai penaung Kriket Melayu sepanjang tahun 1950-an dan 60-an untuk menarik perhatian baginda. Malang sekali, Tuanku Ja'afar hanya bersetuju untuk menjadi penaung. Tetapi apabila rayuan dikemukakan kemudian, baginda bersetuju menjadi pemimpin No.1 menerusi warkah daripada Istana Hinggap bertarikh 8 Disember 1993. Baginda berkenan untuk menerima menghadap beberapa pegawai Kriket Melayu di Istana Hinggap untuk seterusnya menetapkan tarikh mesyuarat agung tahunan

pada 20 Mac 1994.

Itulah permulaan saya sebagai Setiausaha Agung Kriket Melayu menjadi akrab dengan Almarhum yang dikenali kemudian sebagai seorang raja yang tidak pernah mengecewakan sesiapa.

Selesai sahaja mesyuarat pada 20 Mac itu, baginda mengeluarkan sehelai wang kertas RM1,000 sebagai permulaan kegiatan kriket. Baginda mahukan sukan ini menjadi popular dan menurut Almarhum, kriket akan mempertahankan dan melonjakkan karektor seseorang individu.



TUANKU JA'AFAR berangkat hadir menyaksikan pertemuan Utara menentang Selatan di Dataran Merdeka pada 7 Ogos 1994.

TUANKU JA'AFAR turut berangkat hadir pada babak akhir saingan Perisai Raja-Raja pada 14 Sepetember 1997 di Batu Kantonmen walaupun jerebu melanda Kuala Lumpur.



Dalam masa seminggu, sewaktu kesibukan baginda berpindah ke Istana Negara untuk ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong X, Tuanku Ja'afar meminta saya menghadap bagi membincangkan langkah memperoleh tajaan secara kecil-kecilan. Baginda meletakkan angka RM1,000 setiap seorang penaja dengan senarai disediakan baginda. Antara penaja 'peringkat awal' ialah bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar dan rakan rapat Almarhum yang kini ahli seumur hidup Kriket Melayu, Datuk Hamidi Osman.

Baginda menghadiahkan Perisai Tuanku Ja'afar untuk menggerakkan kegiatan awal yang menemukan skuad Utara menentang Selatan pada tahun 1994. Kemudian saingan merebut Perisai Raja-Raja dipulihkan setahun kemudian dengan penyertaan lapan negeri.



SEBAIK sahaja dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid (kini Tun) bersama Tuanku pada saingan Perisai Tuanku Ja'afar di Dataran Merdeka pada 15 Disember 1996.



TUANKU JA'AFAR tekun berbincang dengan Rosmanizam Abdullah mengenai calon yang bertanding pada pemilihan ahli majlis tahun 1998 di Istana Negara.

Baginda memastikan skuad Melayu Malaysia bertanding dalam divisyen dua Liga Kriket Kebangsaan pada 1995 dan terus memenangi kejuaraan. Sejak tahun 1996 hinggalah 2001, pasukan kriket Melayu Malaysia sering bergelar juara berganda divisyen satu Liga Kebangsaan.

Apabila kerusi Timbalan Yang Dipertua kosong pada tahun 1995, Almarhum enggan mencadangkan nama untuk pengisian kekosongan berkenaan dan jauh di sudut hati baginda seorang tokoh menjadi pilihan. Ini terbukti apabila Tun (ketika itu Tan Sri) Ahmad Sarji Abdul Hamid bersara daripada perkhidmatan awam sebagai Ketua Setiausaha Negara, baginda menitahkan saya untuk mempelawa tokoh berkenaan dilantik sebagai timbalan baginda. Kemudian Ahmad Sarji memastikan program pembangunan Kriket Melayu bergerak di seluruh pelosok negara.

Ahmad Sarji merupakan Timbalan Yang Dipertua dari tahun 1996 sehinggalah 30 April 2009 (dilantik Yang Dipertua mulai 31 April 2009) dan pelbagai kejayaan dicapai hasil gandingan baginda dan tokoh perkhidmatan awam itu. Memang tidak dinafikan, pewujudan gelanggang jutaan ringgit bertaraf antarabangsa, Bayuemas Oval dan Akademi Kriket Melayu Tuanku Ja'afar; kedua-dua di Klang, Selangor adalah hasil usaha Ahmad Sarji dengan perkenan baginda.



TUANKU dengan bergaya melakukan balingan sebagai perasmian pertemuan Bintang-Bintang Veteran 1997 di Dataran Merdeka.



SEWAKTU upacara penyampaian hadiah babak akhir acara kriket Sukan Komanwel di Oval PKNS, Kelana Jaya pada 19 September 1998.

Pada tahun 2005, sewaktu lawatan Menteri Belia dan Sukan, Datuk (Seri) Azalina Othman Said ke Istana Hinggap, Seremban baginda dengan bersahaja bertitah bahawa Kriket Melayu mencipta dua kejayaan besar berdasarkan komitmen tinggi persatuan dan pegawainya. Kegiatan pembangunan persatuan ini menerima Anugerah Program Pembangunan Keseluruhan

Terbaik Asia 2004 manakala saya sebagai Setiausaha Agung Kriket Melayu dipilih sebagai penerima Anugerah Kempimpinan Sukan Negara.

Dengan sokongan daripada pelbagai kumpulan dan kerajaan, kegiatan Kriket Melayu berkembang sebagai badan yang membangunkan kriket dari peringkat akar umbi hinggalah ke pasukan *senior*.



BAGINDA menyaksikan upacara menandatangani MoU antara Kriket Melayu dengan ITM pada 31 Mac 1999. Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid (kini Tun) bersalaman dengan Rektor ITM, Datuk Ahmad Zaidee Laidin.



BERSAMA pemain Projek Kriket Nasional Victoria Institution sewaktu lawatan ke tapak Bayuemas Oval pada 13 Mei 2002. Tan Sri Ahmad Sarji (kini Tun) di sebelah kiri.

Banyak kejohanan dianjurkan sebagai kesinambungan kepada program pembangunan seperti Cabaran Bawah 15 Antarabangsa untuk Trofi Tuanku Ja'afar, Trofi Melayu Antarabangsa dan Bawah 17 Antarabangsa Golden Hope. Almarhum turut bersetuju dengan pandangan bahawa Malaysia perlu bermain dengan negara maju dalam kriket jika mahu berjaya; justeru itu memastikan Bangladesh dan Sri Lanka dibayar elaun harian dan tiket pesawat untuk bermain di Kuala Lumpur.



MAKAN malam Trofi Melayu Antarabangsa III tahun 2001... Menerima cenderamata berupa batu dari Robben Island, Afrika Selatan daripada Pengerusi Ottoman Cricket Club, Rydwaun Salie.

TuanKu memberikan sepenuh kepercayaan dan sokongan dari segi pelaksanaan tugas dan terpenting ialah segala-gala kegiatan perlu dilaporkan dalam mesyuarat majlis yang dipengerusikan baginda. Baginda mahu kegiatan yang memerlukan tindakan segera dilaksanakan sepantas mungkin.

Sebagai setiausaha, saya turut menjadi orang kepercayaan baginda dan Almarhum sering menghubungi saya menerusi telefon jika ada perkara mustahak.

Tidak terkecuali ada beberapa kali dalam mesyuarat majlis, baginda berseloroh ingin tahu sama ada saya mahu dibayar bonus tahunan atau elaun bulanan berikutan tugas dalam memastikan Kriket Melayu menjadi persatuan ternama dan dihormati.



TUANKU JA'AFAR menghadahkan kayu pemukul kepada Pemain Terbaik Kejohanan Elit Bawah 12 Kebangsaan tahun 2002, Aminudin Ramly dari Gemenchek.



AHLI persatuan bersama Tuanku selepas Persidangan Agung Tahunan 2000 di Istana Hinggap Seremban.



MERASMIKAN Bayuemas Oval pada 21 Februari 2004.

Pada hakikatnya, Almarhum amat memahami saya tidak akan menerima sebarang bayaran.

Sebagai individu yang tahu mengenai perkembangan semasa, saya menjadi pilihan baginda untuk menyediakan titah ucapan dalam aturcara berkaitan kriket. Saya mula menjadi 'pakar' untuk berbahasa istana sejak mula mencuba pada tahun 1994.

Saya juga sering menghayati cerita-cerita Almarhum mengenai asal-usul baginda; seperti antara sebab Raja Melawar memilih Seri Menanti untuk mendirikan istana, pengalaman, suka-duka baginda sebagai diplomat, juga cerita-cerita Yamtuan sebelum ini yang hebat dan pernah dipuji oleh King George V.

Kini... saya sudah kehilangan seorang pemimpin, raja dan 'ketua' yang berhati mulia. Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman sentiasa di hati kami.

(Suatu sesi tahlil anjuran Persatuan Kriket Melayu Malaysia telah dilangsungkan di makam Almarhum di Seri Menanti pada 11 April 2009)



ASTAKA utama Bayuemas Oval.



TUANKU bersama Tan Sri Ahmad Sarji (kini Tun), Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein (kini Datuk Seri) dan tetamu lain sewaktu hari perasmian Bayuemas Oval.



TUANKU bersalaman dengan Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka di Kuala Lumpur, Rosy Senanayake di Akademi Kriket Melayu Tuanku Ja'afar, Bayuemas Oval pada 21 Februari 2004.



PENGARAH Urusan, University College of Technology & Innovation, Dr. Parmjit Singh menyempurnakan tajaan enam pelajar untuk mengikuti pengajian di kolej berkenaan.



TUANKU berbual dengan Sakib Al Hasan sewaktu Cabaran Bawah 17 Antarabangsa Golden Hope pada 2005. Pemain Bangladesh ini adalah *all-rounder* terbaik dunia setakat April 2009.



PENGURUS pembangunan Majlis Kriket Asia, Sultan Rana menyempurnakan watikah mengumumkan Persatuan Kriket Melayu Malaysia sebagai pemenang Anugerah Program Pembangunan Keseluruhan Terbaik Asia 2004.



TUANKU JA'AFAR turut meraikan kejayaan Remaja Melayu memenangi Perisai Raja-Raja pada tahun 2007 di Bayuemas Oval.



DETIK BERSEJARAH... Tuanku sebagai pencetus idea untuk Kriket Melayu menandatangani persefahaman dengan Universiti Kebangsaan Malaysia pada Januari 2007 yang membolehkan pelajar kriket mendapat keutamaan menyertai pengajian dan latihan di institusi berkenaan.



SERIUS mendengar pandangan Setiausaha Agung Kriket Melayu, Rosmanizam Abdullah pada majlis makan malam Cabaran Kriket Bawah 17 Antarabangsa Golden Hope di Sime Darby Convention Centre tahun 2006.



MEMPENGERUSIKAN Persidangan Agung Tahunan Kriket Melayu buat kali terakhir pada 18 Mei 2008 di Istana Negeri Sembilan, Kuala Lumpur. Tuanku Ja'afar diapit oleh Timbalan Yang Dipertua, Tan Sri (kini Tun) Ahmad Sarji Abdul Hamid (kiri) dan Setiausaha Agung, Rosmanizam Abdullah.





TANGGAL 27 Disember 2008, jenazah Almarhum Tuanku Ja'afar dibawa keluar dari Hospital Tuanku Ja'afar di Seremban.



PENGHORMATAN terakhir kepada Tuanku di Istana Besar Seri Menanti pada 28 Disember 2008.



TUANKU MUHRIZ TUANKU MUNAWIR memegang keranda ayahanda saudara, Almarhum Tuanku Ja'afar yang ditempatkan di atas Pelamba Takhta Ratna selepas dimasyhurkan sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan XI.



YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir menyiram air mawar ke pusara Almarhum Tuanku Ja'afar pada 29 Disember 2008.